UUM/BA49/BH/05.07.2005/p: 6 (6)

## SINTOK

BH 5/7/05 C6 : 6

# Lebuh raya sesak

Kesesakan teruk berlaku di Lebuh Raya Utara-Selatan dekat sini dan laluan masuk serta jalan di dalam kawasan Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila 5,567 penuntut baru mendaftar di institusi itu, kelmarin.

Kesesakan bertambah teruk di Lebuh Raya Utara-Selatan terutama di Plaza Tol Hutan Kampung apabila Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum) di Perlis dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau turut menerima penuntut baru hari sama.

Tempoh masa pendaftaran yang singkat di UUM iaitu 8 hingga 11 pagi menyebabkan keluarga penuntut mengejar masa untuk menyelesaikan proses berkenaan.

Tinjauan Berita Harian mendapati kesesakan bukan saja berlaku di kampus UUM dengan kehadiran ribuan kenderaan, malah hingga ke Lebuh Raya Utara Selatan menuju ke universiti itu terutama di Kilometer 44 berhampiran Plaza Tol Hutan Kampung yang sesak hampir tiga kilometer.

Lebih 8,000 kenderaan berbaris panjang di plaza tol itu seawal jam 6.30 pagi.